



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.100-1/3/1 (09)  
Tarikh : 13 Oktober 2020

Kepada:  
Semua Ibu Bapa / Penjaga  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEKOLAH SUSULAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020. Berdasarkan pengumuman ini, semua sekolah di negeri yang dinyatakan adalah ditutup.
3. Sehubungan dengan itu, SMK Tiara Permai ditutup bermula 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020. Dalam tempoh ini, semua murid tidak perlu hadir ke sekolah dan pembukaan semula sekolah adalah berdasarkan arahan yang terkini daripada pihak kerajaan.
4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan diteruskan berdasarkan garis panduan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Guru telah diarahkan untuk menentukan cara pelaksanaan PdPR yang bersesuaian kepada murid sama ada menggunakan pendekatan atas talian atau kaedah menggunakan modul atau berdasarkan projek. Jadual pelaksanaan PdPR akan diedarkan oleh guru kelas melalui kumpulan kelas anak/anak jagaan masing-masing.
5. Pihak sekolah juga mengharapkan kerjasama daripada YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat berkaitan sesi PdPR dan hal berkaitan arahan/tugasan/kerja rumah yang diberikan guru serta membantu anak/anak jagaan mengakses DELIMA, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video) dan Cikgoootube. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai PdPR ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas atau guru mata pelajaran anak/anak jagaan masing-masing.

6. Pihak sekolah berharap agar YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dapat mengawasi pergerakan dan memastikan keselamatan serta kesihatan anak/anak jagaan masing-masing dalam menghadapi COVID-19. Bersama-sama kita mematuhi semua arahan daripada pihak berkuasa bagi memastikan rantaian COVID-19 diputuskan dan negara bebas daripada ancaman COVID-19.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR AMW)**

Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur.